

RUJ. KAMI : JANSWK/01/1004/3 JLD.23 (32)

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020

**SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SARAWAK**

Tuan/Puan,

**PENUTUPAN AKAUN AKHIR TAHUN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN TARIKH  
AKHIR PROSES DOKUMEN KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi tujuan Penutupan Akhir Tahun Kewangan Tahun 2020, JANM Negeri Sarawak hendaklah memastikan semua proses bayaran, terimaan, panjar dan transaksi perakaunan di peringkat PTJ diselesaikan sebelum tarikh-tarikh berikut:

<b>BULAN</b>	<b>JENIS DOKUMEN KEWANGAN</b>	<b>TARIKH AKHIR (BELANJA MENGURUS)</b>	<b>TARIKH AKHIR (<b>SELAIN</b> BELANJA MENGURUS)</b>
<b>Disember 2020</b>	Pesanan Kerajaan (termasuk kuiiri)	2 Disember 2020 (Rabu)	<b>30 Disember 2020</b> atau tertakluk kepada Arahan Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa
	Penerimaan Bekalan & Perkhidmatan - <i>Fullfillment Receive Notes (FRN)</i> <i>Goods/Services Received Notes (GRN)</i> (Peraku II)		
	Arahan Pembayaran (Peraku II) Arahan Pembayaran - Kuiiri (Peraku II)	3 Disember 2020 (Khamis)	
	Baucar Jurnal kecuali jurnal terimaan, perakaunan aset dan pelarasan yang dibenarkan dari semasa ke semasa.  Pelarasan melibatkan semakan peruntukan Belanja Mengurus hendaklah diselesaikan sebelum atau pada 3 Disember 2020		

BULAN	JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR (BELANJA MENGURUS)	TARIKH AKHIR ( <b>SELAIN</b> BELANJA MENGURUS)
	Waran Peruntukan		
	Terimaan 1. Invois 2. Resit 3. Penyata Pemungut	31 Disember 2020 (Khamis)	31 Disember 2020 (Khamis)

## 2.1 PEMROSESAN DOKUMEN KEWANGAN SELEPAS TARIKH YANG DITETAPKAN

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan bahawa perkhidmatan/bekalan/kerja (yang dipertanggungkan di bawah Vot Mengurus), yang diterima/dilaksana dalam tahun 2020 tetapi tidak dibayar pada tarikh yang telah ditetapkan, maka bayaran berkenaan perlu menggunakan peruntukan Vot Mengurus tahun 2021 di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Bagi bayaran sedemikian, kelulusan pembayaran di bawah AP 58(a) hendaklah diperoleh terlebih dahulu selaras dengan SPANM Bil. 7 Tahun 2018 Tatacara Pengurusan Bayaran.

## 2.2 ARAHAN OPERASI DAN GARIS PANDUAN

Buletin ini mengandungi arahan operasi dan garis panduan seperti berikut:

- 2.2.1 **Lampiran A** : Arahan Operasi Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2020
- 2.2.2 **Lampiran B** : Arahan Operasi Perakaunan Aset dan Inventori Bagi Tahun Kewangan 2020
- 2.2.3 **Lampiran C** : Proses Penutupan Akhir Tahun (Pesanan Kerajaan iGFMAS)

## 3. PENUTUPAN PANJAR & SIJIL PERAKUAN PANJAR

Rujuk buletin penutupan panjar dan tatacara penyediaan sijil perakuan panjar.

#### 4. TRANSAKSI PERAKAUNAN

- i. Memastikan Akaun Penyelesaian berikut dikosongkan dan dilaraskan ke kod akaun yang sebenar (sekiranya digunakan):
  - a. **A2991104 – Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Wang Jaminan Pelaksanaan** (Pelarasan melalui Jurnal **KJ Biasa Pelarasan** ke kod akaun **L1111107**);
  - b. **A2991108 – Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Lain-Lain Deposit** (Mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan kepada AO untuk dibuat pelarasan melalui sistem SAP GUI);
  - c. **L1311903 – Sumbangan Badan Berkanun** (pastikan caruman KWSP dan Perkeso dibuat bayaran segera sekiranya amaun tersebut telah dipotong daripada baucar gaji). PTJ hendaklah menyediakan baucar gaji dahulu dan kemudian menyediakan arahan pembayaran kepada KWSP & Perkeso.
- ii. Memastikan **akaun deposit** dipertanggungkan dibawah **dana am (G000)**. PTJ perlu membuat pelarasan sekiranya menggunakan dana selain daripada G000.
- iii. Memastikan **hasil am** dipertanggungkan dibawah **dana am (G000)** dan tiada hasil yang berbaki **debit**. PTJ perlu membuat pelarasan bagi transaksi hasil yang berbaki debit.
- iv. Memastikan **belanja** tidak dipertanggungkan dibawah **dana am (G000)** dan tiada belanja yang berbaki **kredit**. PTJ perlu membuat pelarasan bagi transaksi perbelanjaan yang berbaki kredit.

Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**SEKSYEN OPERASI  
JANM NEGERI SARAWAK**